

# AKPPA 2021



ARAHAN  
KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM  
TAHUN **2021**  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

## **PERUTUSAN** **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

*Bismillahirrahmanirrahim*, atas segalanya, kepada Tuhan kita memohon pertolongan dan petunjuk. Selawat dan salam serta seluruh puji-pujian buat junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ. Begitu juga buat seluruh warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dikasihi.

*Alhamdulillah*, syukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wataa'la* kerana kita semua telah berjaya melepasi tahun 2020 yang sangat mencabar. Mengambil iktibar daripada cabaran, dugaan dan pencapaian sepanjang tahun 2020, saya ingin mengajak warga JPA untuk melangkah ke tahun baharu 2021 dengan satu semangat dan keazaman yang baharu. Setiap dari kita hendaklah menunjukkan contoh yang baik dan meningkatkan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam amnya dan di JPA, khususnya.

Mengambil kira persekitaran semasa, pertumbuhan ekonomi tahun 2021 dijangka kembali pulih dan berkembang pada kadar antara 6.5 hingga 7.5 peratus. Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6 November 2020 telah membentangkan Belanjawan 2021 berjumlah RM322.5 bilion merangkumi RM236.5 bilion bagi menampung belanja mengurus, RM17 bilion bagi Tabung Covid-19 dan RM69 bilion bagi belanja pembangunan. Daripada jumlah itu, JPA telah diperuntukkan sejumlah RM28.445 bilion meliputi RM1.43 bilion untuk belanja mengurus, RM10.95 juta untuk belanja pembangunan dan RM27.0 bilion untuk tanggungan.

Bagi memastikan peruntukan yang diterima oleh JPA digunakan secara optimum, Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (AKKPA) Bilangan 1 Tahun 2021 – Garis Panduan Pengurusan Kewangan ini telah disediakan yang mengandungi ketetapan tatacara kewangan di JPA sebagai elemen kawalan dalaman yang sejajar dengan skop operasi JPA. Saya mengharapkan AKPPA ini dapat membimbing dan menjadi rujukan serta panduan asas kepada setiap pegawai/ kakitangan di Bahagian/ INTAN dalam mengendalikan pengurusan kewangan dengan lebih cekap dan teratur serta memastikan kehendak peraturan dan undang-undang sentiasa dipatuhi.

Akhir kalam, marilah kita memohon doa agar diberi hidayah memudahkan usaha dan urusan harian dan dijauhi daripada penyakit Covid-19. *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 29 Januari 2021

## **KATA-KATA ALUAN**

### **TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (OPERASI)**



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

*Bismillahirrahmanirrahim*, atas segalanya, kepada Tuhan kita memohon pertolongan dan petunjuk. Selawat dan salam serta seluruh puji-pujian buat junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ. Begitu juga buat seluruh warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dikasihi.

Saya merafakkan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wataa'la* kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (AKKPA) Bilangan 1 Tahun 2021 – Garis Panduan Pengurusan Kewangan telah dapat disediakan.

Penyediaan AKPPA ini bertujuan menjelaskan kepada semua pegawai/ kakitangan JPA berhubung tatacara dan peraturan yang perlu dipatuhi dalam Pengurusan Kewangan di JPA. Justeru, dokumen ini diharapkan dapat membimbing dan menjadi rujukan serta panduan asas kepada setiap pegawai/kakitangan di Bahagian/ INTAN dalam mengendalikan pengurusan kewangan dengan lebih cekap dan teratur serta memastikan kehendak peraturan dan undang-undang sentiasa dipatuhi.

Semoga amalan pengurusan kewangan di JPA dalam tahun 2021 dapat ditambah baik ke tahap yang lebih cemerlang dan seterusnya menyokong bidang keberhasilan JPA yang telah ditetapkan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Rose Lena Binti Lazemi'.

**DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)  
Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 26 Januari 2021

# KANDUNGAN

# ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BILANGAN 1 TAHUN 2021

## KANDUNGAN

<u>BIL.</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
<b>(1)</b>	<b><u>GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN</u></b>	
	Tujuan	1
	Latar Belakang	1
	<b>PELAKSANAAN PERATURAN</b>	
<b>(A)</b>	<b>BAJET BERASASKAN <i>OUTCOME</i></b>	
(1)	Pelaksanaan <i>Outcome Based Budgeting</i> (OBB) Di JPA	2
<b>(B)</b>	<b>PENGURUSAN BAJET</b>	
(1)	Anggaran Perbelanjaan Mengurus JPA	4
(2)	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan JPA	5
(3)	Mekanisme Kawalan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan	5
(4)	Pematuhan Panduan Pengurusan Lanjutan Masa (EOT)	7
(5)	Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahunan	7
<b>(C)</b>	<b>LANGKAH-LANGKAH MENGOPTIMUMKAN PERBELANJAAN</b>	
(1)	Penganjuran Acara/ Majlis/ Keraian Rasmi Kerajaan/ Mesyuarat/ Persidangan/ Seminar/ Bengkel	8
(2)	Kadar Penyediaan Makanan dan Minuman bagi Mesyuarat/ Kursus	10
(3)	Kelayakan Tiket Penerbangan dan Bertugas Rasmi di Luar Kawasan	10
(4)	Keurusetiaan Mesyuarat	12
(5)	Pelantikan Pegawai Kontrak	13
(6)	Pengambilan Pelajar Latihan Amali/ Praktikal	13

(7)	Pekerja Sambilan Harian (PSH)	13
(8)	Penggunaan Kertas Cetak dan Aktiviti Percetakan	14
(9)	Penggunaan Utiliti	14
(10)	Penggunaan Aset dan Peralatan/ Bekalan Pejabat	15
(11)	Penggunaan Kenderaan Jabatan	16
(12)	Kawalan Tuntutan Elaun Lebih Masa (ELM)	17
(13)	Kawalan Tuntutan Yang Lewat Dikemukakan Untuk Bayaran	19
(14)	Tuntutan Perjalanan Dengan Menggunakan Kenderaan Peribadi	20
(15)	Tuntutan Tambang Teksi/ e-Hailing Dengan Resit / Tanpa Resit	21
(16)	Tuntutan Elaun Makan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi/ Kursus Di Luar Negeri	22
(17)	Tuntutan Bayaran Lojing	22
(18)	Tuntutan Belanja Pelbagai	22
(19)	Tuntutan Bayaran Balik Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Dan/Atau Caj Penggunaan Bulanan Bagi Kegunaan Rasmi	23
(20)	Pembayaran Di Bawah AP58(a)	26
(21)	Panjar Wang Runcit	26
(22)	Pengecualian Fi Ujian Pengesanan COVID-19 Dan Tuntutan Bayaran Fi Kuarantin Bagi Pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam	28

**(D) PENGURUSAN PEROLEHAN**

(1)	Pesanan Tempatan (LO)	29
(2)	Permohonan Sebut Harga/ Tender	30
(3)	Pentadbiran Kontrak	31

**PENGECCUALIAN** 31


**TARIKH KUAT KUASA** 31

**PEMAKAIAN** 32

**(2) BAJET JABATAN PERKHIDMATAN AWAM 2021**

**(3) LAMPIRAN**

# **GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN**



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

---

**ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN**

**TUJUAN**

1. Memaklumkan kepada semua warga Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai **Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2021: Garis Panduan Pengurusan Kewangan.**

**LATAR BELAKANG**

2. Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan kepada semua warga JPA mengenai penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan dalaman sedia ada Jabatan mengikut peraturan yang telah ditetapkan berasaskan prinsip perbelanjaan secara berhemat bagi menjimatkan perbelanjaan awam yang menjadi teras kepada pengurusan kewangan Kerajaan masa ini.

3. Justeru, bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan dan kawalan perbelanjaan sedia ada Jabatan supaya berada pada tahap yang optimum, Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sedia ada telah dikemas kini seperti berikut:



## PELAKSANAAN PERATURAN

### (A) BAJET BERASASKAN *OUTCOME*

#### (1) Pelaksanaan *Outcome Based Budgeting* Di JPA

- (a) Semua Ketua Aktiviti/ Pengurus Program di JPA diminta memberi perhatian kepada pelaksanaan pekeliling berkaitan *Outcome Based Budgeting* (OBB) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) iaitu **Pekeliling Perbendaharaan (PP)/ PB1.1 (Bajet Berasaskan *Outcome*)**;
- (b) Senarai Pengurus Program dan Ketua Aktiviti serta senarai Bahagian yang dilantik sebagai penyelaras untuk setiap Program bagi pelaksanaan OBB di JPA adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Semua Ketua Aktiviti/ Pengurus Program perlu menubuhkan jawatankuasa untuk memantau pelaksanaan OBB dan pencapaian keberhasilan di peringkat Program dan Aktiviti. Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:
  - (i) **Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Program**  
**(*Programme Performance Management Committee – PPMC*)**  
PPMC hendaklah dipengerusikan oleh Pengurus Program dan bertanggungjawab memantau pelaksanaan serta pencapaian keberhasilan Program; dan
  - (ii) **Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Aktiviti**  
**(*Activity Performance Management Committee – APMC*)**  
APMC hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Aktiviti dan bertanggungjawab memantau pelaksanaan serta pencapaian keberhasilan Aktiviti. Di peringkat JPA, Ketua Aktiviti adalah terdiri daripada Pengarah Bahagian masing-masing atau mana-mana pegawai yang diarahkan oleh Pengarah.

- (c) Di bawah pelaksanaan OBB, seorang Ketua/Pengurus di peringkat Program atau Aktiviti perlu bertanggungjawab terhadap Program atau Aktiviti masing-masing melalui Perjanjian Prestasi;
- (d) Justeru, setiap Pengurus Program dan Ketua Aktiviti perlu memastikan Templat Strategik OBB JPA yang dibangunkan adalah **menepati konsep asas OBB** dan **sentiasa dikemas kini**. Selain itu, penilaian hendaklah dibuat ke atas pelaksanaan Program/Aktiviti di bawah seliaan masing-masing bagi membolehkan pengukuran pencapaian prestasi dan pengubahsuaian dilaksanakan sewajarnya, sekiranya perlu. Templat Strategik OBB JPA yang telah dibangunkan adalah seperti berikut:
- (i) **Ringkasan Eksekutif Kementerian (*Ministry Executive Summary - MES*)** dalam konteks ini merupakan dokumen perancangan strategik sasaran pencapaian *outcome* dan *output* serta prestasi kewangan JPA;
  - (ii) **Kerangka Pengurusan Prestasi Program (*Programme Performance Management Framework - PPMF*)** iaitu dokumen perancangan strategik, penyediaan bajet serta pemantauan dan penilaian di peringkat Program. PPMF disokong oleh Lembaran Bajet Program (*Programme Budget Sheet - PBS*) yang mengandungi butiran terperinci anggaran perbelanjaan sesuatu Program; dan
  - (iii) **Kerangka Pengurusan Prestasi Aktiviti (*Activity Performance Management Framework – APMF*)** merupakan dokumen perancangan strategik, penyediaan bajet serta pemantauan dan penilaian di peringkat Aktiviti. APMF disokong oleh Lembaran Bajet Aktiviti (*Activity Budget Sheet – ABS*) yang mengandungi butiran terperinci anggaran perbelanjaan sesuatu Aktiviti.

- (e) Laporan prestasi berdasarkan kerangka keberhasilan di setiap peringkat APMF dan PPMF hendaklah dikemukakan secara suku tahunan kepada Sektor Belanjawan, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dengan mengunci masuk data ke dalam Sistem *MyResults* dan mengemukakan laporan *hardcopy* yang telah ditandatangani oleh Ketua APMF dan Pengurus PPMF. Laporan ini hendaklah dikemukakan pada tarikh seperti berikut:

LAPORAN	TARIKH AKHIR
Suku Pertama	12 April 2021
Suku Kedua	9 Julai 2021
Suku Ketiga	11 Oktober 2021
Suku Keempat dan keseluruhan Tahun 2021	10 Januari 2022

## (B) PENGURUSAN BAJET

### (1) Anggaran Perbelanjaan Mengurus JPA

- (a) Bahagian-Bahagian dibenarkan membuat perbelanjaan sepertimana yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahunan dan **perlu mengawasi** perbelanjaan mengurus di bawah kawalannya **supaya tidak melebihi jumlah yang telah diluluskan dalam anggaran tersebut;**
- (b) Sebarang perubahan perancangan dan perbelanjaan Bahagian hendaklah ditanggung **menggunakan peruntukan sedia ada yang telah diluluskan tanpa melibatkan peruntukan tambahan;** dan
- (c) Peruntukan mana-mana Aktiviti/ Bahagian yang **tidak mencapai prestasi perbelanjaan pada varian melebihi 10%** berbanding unjuran **akan ditarik dan dipindahkan** ke Aktiviti/ Bahagian lain yang memberi impak kepada keberhasilan JPA berdasarkan semakan setiap suku tahun.

## (2) Anggaran Perbelanjaan Pembangunan JPA

- (a) Pemilik projek/ program/ kajian adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahunan. Walau bagaimanapun, komponen/item perbelanjaan yang hendak dilaksanakan hendaklah mematuhi skop projek/ program/ kajian yang telah dipersetujui semasa sesi pemeriksaan bajet bersama pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM);
- (b) Jumlah yang dikeluarkan bagi setiap Maksud atau Butiran pada setiap masa **tidak boleh melebihi** jumlah anggaran kos projek kecuali setelah mendapat kelulusan UPE, JPM terlebih dahulu; dan
- (c) Pemilik projek hendaklah memastikan semua projek diiklankan selewat-lewatnya mengikut tarikh akhir seperti berikut:
  - (i) 30 April 2021 bagi pelaksanaan projek yang bermula pada tahun 2021; dan
  - (ii) 30 September 2021 bagi pelaksanaan projek yang bermula pada tahun 2022.

Bagi projek yang masih belum diiklankan mengikut tarikh akhir di atas tanpa kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) selaku Pegawai Pengawal, peruntukan projek tersebut akan ditarik bagi menampung keperluan projek/ program/ kajian lain.

## (3) Mekanisme Kawalan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan

- (a) Bahagian adalah bertanggungjawab memastikan pematuhan **PP/ PK2.3** berhubung penambahbaikan ke atas mekanisme pengurusan projek pembangunan fizikal Kerajaan Persekutuan sentiasa dipatuhi. **Tindakan tegas** akan diambil ke atas Bahagian yang

gagal mematuhi mekanisme baharu ini dan pegawai yang bertanggungjawab boleh **dikenakan tindakan tatatertib** kerana **cuai dalam melaksanakan peraturan Kerajaan**;

- (b) Bahagian hendaklah merujuk kepada BKP sekiranya perlu membuat Notis Perubahan (NOC) yang **tidak melibatkan penambahan kos, perubahan lokasi dan pertukaran projek**;
- (c) Sekiranya projek yang telah diluluskan tetapi proses perolehan tidak dapat dimulakan mengikut perancangan/ jadual yang ditetapkan, **Bahagian hendaklah mengembalikan peruntukan yang belum dibelanjakan kepada BKP** bagi memastikan prestasi perbelanjaan 100% dapat dicapai. **Bahagian perlu memastikan semua urusan perolehan yang dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana diselesaikan selewat-lewatnya pada 30 April**;
- (d) **Bahagian dilarang meluluskan Arahan Perubahan Kerja dan pertambahan skop perkhidmatan perunding** kecuali bagi perkara-perkara yang dinyatakan dalam PP/ PK 2.3/ perenggan 3.1;
- (e) Bahagian adalah diingatkan untuk sentiasa **mematuhi tatacara perolehan perkhidmatan perunding yang berkuat kuasa**;
- (f) **Bahagian hendaklah merujuk kepada BKP dan Penasihat Undang-Undang, JPA** untuk memastikan klausa perjanjian piawai perunding berkaitan penetapan yuran perkhidmatan perunding dan klausa lain yang berkaitan dibuat pindaan sewajarnya bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara;
- (g) Bagi memastikan perolehan projek pembangunan di JPA dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, Bahagian adalah diingatkan supaya **melaksanakan urusan perolehan yang bertepatan dengan nilai projek**. Sekiranya perolehan projek hendak dilaksanakan melalui kaedah selain yang ditetapkan dalam peraturan perolehan Kerajaan, maka **kelulusan daripada MoF** hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

Ini bagi memastikan supaya **tidak berlaku pelaksanaan projek yang boleh ditafsirkan sebagai pecah kecil** bagi mengelak sebut harga atau tender; dan

- (h) Bagi tujuan pemantauan kemajuan projek pembangunan, **Bahagian perlu mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan dan status kemajuan projek kepada BKP pada hari Isnin, setiap dua (2) minggu.**

#### **(4) Pematuhan Panduan Pengurusan Lanjutan Masa (EOT)**

- (a) Bahagian adalah bertanggungjawab memastikan panduan pengurusan EOT sentiasa dipatuhi;
- (b) Sekiranya Bahagian menjangkakan tempoh penyiapan kerja sesuatu projek akan terlewat, punca-punca berlakunya kelewatan perlu diteliti. **EOT hanya diberi sekiranya terbukti punca-punca kelewatan adalah di luar kawalan kontraktor;** dan
- (c) **Tindakan tatatertib/ surcaj atau undang-undang boleh dikenakan sekiranya berlakunya kecuaiian (*negligence*)** sama ada oleh pihak Bahagian, Pegawai Yang Diberi Kuasa (PYDK), Pegawai Penguasa (P.P.) atau firma perunding dalam melaksanakan tugas yang menjadi punca kepada berlakunya kelewatan dan pemberian EOT.

#### **(5) Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahunan**

Bahagian dan Agensi perlu menyediakan perancangan perbelanjaan masing-masing sama ada yang akan dimohon di bawah peruntukan Perbelanjaan Mengurus atau Perbelanjaan Pembangunan dengan merujuk kepada **garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak MoF pada setiap awal tahun di samping merujuk kepada semua arahan/ pekeliling semasa yang berkuat kuasa.**

## **(C) LANGKAH-LANGKAH MENGOPTIMUMKAN PERBELANJAAN**

### **(1) Penganjuran Acara/ Majlis/ Keraian Rasmi Kerajaan/ Mesyuarat/ Persidangan/ Seminar/ Bengkel**

(a) Dalam menganjurkan acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel Jabatan, kaedah pelaksanaannya adalah seperti berikut:

- (i) mengoptimumkan penggunaan kampus-kampus INTAN dan institusi latihan awam (ILA) bukan komersil;
- (ii) semua Bahagian/ INTAN dibenarkan untuk menganjurkan program di hotel/ ILA komersil tertakluk tiada kekosongan di kampus INTAN/ ILA bukan komersil sekitar hotel/ ILA komersil yang dipilih;
- (iii) pelaksanaan program di kampus INTAN, ILA komersil/ bukan komersil atau hotel hendaklah diluluskan oleh Pengarah Bahagian/ Pengarah Kampus INTAN masing-masing;
- (iv) perbelanjaan bagi program tersebut hendaklah dibuat secara berhemat dan proses perolehan perkhidmatan bagi penganjuran program tersebut hendaklah dipastikan teratur dan mematuhi peraturan perolehan/ kewangan semasa yang berkuat kuasa;
- (v) Bahagian/ INTAN hendaklah mengemukakan laporan pelaksanaan program di hotel/ ILA komersil untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) pada setiap suku tahun;
- (vi) bayaran bagi perkhidmatan makan minum, dobi, tuntutan Elaun Lebih Masa dan utiliti oleh ILA bukan komersil dibayar melalui kaedah Pesanan Tempatan (LO) atau Pindahan Dana Elektronik (EFT);

- (vii) “ILA komersil” bermaksud ILA yang mengenakan caj sewaan penginapan dan kemudahan;
- (viii) “ILA bukan komersil” bermaksud ILA yang tidak mengenakan caj sewaan penginapan dan kemudahan;
- (ix) jamuan hendaklah diadakan secara sederhana dengan tidak melebihi kadar berikut:

BIL.	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Jamuan ringan	10.00
2.	Makan tengah hari	40.00
3.	Makan malam	50.00
<b>JUMLAH</b>		<b>100.00</b>

- (x) setiap Bahagian yang menganjurkan acara/ majlis keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel hendaklah menguruskan urusan perolehan pembekalan makanan dan urusan logistik termasuk Jawatankuasa Penilaian Penganjuran Majlis (JPPM) atau Latihan (JPPL) untuk pertimbangan Sektor Perolehan, BKP; dan
- (xi) perkara-perkara berikut adalah tidak dibenarkan:
  - (a) membuat gimik pelancaran yang melibatkan implikasi kewangan;
  - (b) menggunakan perkhidmatan *event manager*;
  - (c) pembelian baju korporat/ baju seragam/ pemberian pakaian/ *door gift* kepada peserta/ pengunjung; dan
  - (d) pemberian cenderamata **tidak dibenarkan** tetapi sekiranya benar-benar perlu, hendaklah dihadkan kepada buku/ kraf tangan tempatan atau produk makanan tempatan.



**(2) Kadar Penyediaan Makanan dan Minuman bagi Mesyuarat/ Kursus**

- (a) Penyediaan makanan dan minuman bagi mesyuarat **hanya disediakan bagi mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), KPPA** atau mesyuarat yang **melibatkan jemputan pegawai dari luar JPA/ INTAN**;
- (b) Kadar maksimum penyediaan makanan dan minuman bagi mesyuarat/ kursus hendaklah tidak melebihi RM35.00 seperti berikut:

WAKTU	KADAR (RM35.00)	
	BUKAN PAKEJ	PAKEJ
Pagi	20%	20%
Tengah Hari	40%	60%
Petang	20%	80%
Malam	40%	100%

- (c) Bagi maksud subPerenggan (b) di atas, penetapan kadar makan minum tersebut adalah bagi kursus yang melibatkan sekurang-kurangnya seorang pegawai/ peserta yang bertugas melebihi jarak 25 km dari lokasi kursus; dan
- (d) Penyediaan makan minum pada kadar RM15.00 seorang terpakai sekiranya semua pegawai/ peserta kursus bertugas dalam lingkungan tidak melebihi 25 km dari lokasi kursus.

**(3) Kelayakan Tiket Penerbangan dan Bertugas Rasmi di Luar Kawasan**

- (a) Kelayakan tempat duduk penerbangan untuk perjalanan domestik adalah seperti berikut:

GRED JAWATAN	KELAS PENERBANGAN
54 dan ke atas	Perniagaan
52 dan ke bawah	Ekonomi

- (b) Kelayakan tempat duduk penerbangan untuk perjalanan luar negeri (antarabangsa) adalah seperti berikut:

GRED JAWATAN	KELAS PENERBANGAN
Utama/ Khas A dan ke atas	Satu
53 hingga Utama/ Khas B	Perniagaan
52 dan ke bawah	Ekonomi

**Nota:**

Syarat-syarat lain tempahan tiket adalah kekal seperti mana yang digariskan dalam PP/WP1.4 - Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Anggota Tentera Dan Anggota Polis) dan PP/WP2.5 – Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi (Kuat kuasa pada 1 April 2020)

- (c) Bahagian-Bahagian perlu **menyusun semula aktiviti perjalanan** dalam dan luar negeri;
- (d) Bilangan pegawai yang dibenarkan untuk menghadiri mesyuarat/ program di luar kawasan menggunakan Waran Penerbangan Udara Awam (WPUA) **hendaklah dihadkan**;
- (e) Pengarah Bahagian/ Ketua PTJ **digalakkan untuk mengarahkan** pegawai menggunakan kemudahan syarikat penerbangan tambang murah dan tempahan tiket tambang murah secara dalam talian **yang memberikan lebih penjimatan kepada Kerajaan** serta menaiki **kelas ekonomi** walaupun mempunyai kelayakan kelas penerbangan yang lebih tinggi;
- (f) Dalam melaksanakan konsep *let managers manage*, Bahagian **dibenarkan untuk menentukan sendiri penggunaan syarikat penerbangan** sama ada MAS, AirAsia atau mana-mana syarikat yang dibenarkan bagi perjalanan domestik untuk urusan rasmi;
- (g) Bahagian perlu merancang perbelanjaan bagi memastikan peruntukan yang diluluskan di bawah OS21000 (Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup) **mencukupi** bagi melaksanakan program-

program yang telah dirancang sepanjang tahun. **Tiada peruntukan tambahan di bawah OS21000 akan disalurkan;**

- (h) Permohonan bagi WPUA hendaklah diperakukan oleh Pegawai Tadbir Bahagian (PTB)/ Ketua Kluster (KK)/ Ketua Unit (KU) sebelum diangkat untuk kelulusan Ketua Jabatan/ pegawai yang diberikan kuasa. Bagi maksud perenggan ini, tafsiran “Ketua Jabatan” meliputi pegawai tertinggi di Pusat Kos masing-masing. Pada masa yang sama, pegawai yang diberikan kuasa hendaklah sekurang-kurangnya berada di gred 54;
- (i) Permohonan lengkap bagi WPUA hendaklah dikemukakan kepada BKP melalui UPKS Bahagian **selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja** sebelum tarikh penerbangan. UPKS Bahagian hendaklah memastikan permohonan yang lewat tidak diperakukan untuk diangkat kepada BKP. Langkah ini bagi memastikan proses tempahan tiket yang lancar dan memberi nilai terbaik kepada JPA. Permohonan kebenaran ke luar negara yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal perlu dilampirkan; dan
- (j) Bagi INTAN, permohonan WPUA hendaklah dibuat melalui Unit Kewangan, INTAN **selewat-lewatnya lima (5) hari bekerja** sebelum tarikh penerbangan bagi penerbangan dalam negeri dan **selewat-lewatnya 14 hari bekerja** bagi penerbangan luar negara.

#### **(4) Keurusetiaan Mesyuarat**

- (a) Bahagian hendaklah menyelaraskan supaya mesyuarat yang melibatkan keanggotaan ahli yang sama **digabungkan** dalam satu penganjuran;
- (b) Keutamaan pelaksanaan mesyuarat adalah di dalam kawasan **ibu pejabat/ premis milik Kerajaan**; dan

- (c) Edaran panggilan mesyuarat, edaran minit mesyuarat dan maklumat tambahan mesyuarat **hendaklah dibuat melalui e-mel rasmi Jabatan sahaja** bagi mengurangkan penggunaan kertas.

#### **(5) Pelantikan Pegawai Kontrak**

Pelantikan pegawai kontrak baharu di bawah peruntukan Objek Sebagai 29000 (OS29000) adalah tidak dibenarkan kecuali bagi penggantian atau pembaharuan kontrak pegawai.

#### **(6) Pengambilan Pelajar Latihan Amali/ Praktikal**

Bahagian perlu mengehendkan pengambilan pelajar bagi menjalani latihan amali/ praktikal dengan mengutamakan bidang yang berkaitan dengan Bahagian, **tertakluk sekiranya peruntukan Bahagian mencukupi**. Bahagian hendaklah meneliti dan merancang supaya pengambilan pelajar latihan amali/ praktikal memberikan nilai tambah kepada Kerajaan.

#### **(7) Pekerja Sambilan Harian**

- (a) Pengambilan Pekerja Sambilan Harian (PSH) telah ditangguhkan mulai 1 Januari 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan inisiatif *Short-Term Employment Program* (MySTEP) selama satu (1) tahun mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021 sebagai langkah jangka pendek untuk membantu meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat; dan
- (b) Bahagian/ INTAN hendaklah memastikan peruntukan di bawah OS29000 tahun 2021 masing-masing mencukupi untuk menampung keperluan sepanjang tahun termasuk pelantikan Personel MySTEP, sekiranya diperlukan. Tiada peruntukan tambahan akan disalurkan ke Bahagian/ INTAN bagi menampung implikasi kewangan yang terlibat bagi pelantikan Personel MySTEP.

## **(8) Penggunaan Kertas Cetak Dan Aktiviti Pencetakan**

- (a) Dokumen yang telah dimuktamadkan seperti minit mesyuarat, kertas kerja, memo dalaman dan sebagainya hendaklah dicetak pada **kedua-dua belah muka surat**. Bagi draf dokumen, ia hendaklah dicetak menggunakan **kertas terpakai**;
- (b) Edaran dokumen hendaklah dibuat melalui **e-mel**;
- (c) Cetakan dokumen berwarna hanya dibenarkan untuk program/ aktiviti yang melibatkan kepentingan/ penyertaan Jabatan di peringkat Kebangsaan/ Negeri atau melibatkan kehadiran Menteri/ KSN/ KPPA/ Ketua Setiausaha (KSU)/ Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (TKPPA) atau setaraf sahaja. Cetakan berwarna **hanya dibenarkan** kepada tetamu kehormat;
- (d) Cetakan helaian berwarna yang melibatkan fakta-fakta perbandingan seperti carta dan graf dalam laporan/ buletin/ majalah/ risalah/ poster/ kalendar aktiviti/ buku atur cara adalah **dibenarkan**; dan
- (e) Pegawai **tidak dibenarkan** membuat cetakan untuk tujuan peribadi.

## **(9) Penggunaan Utiliti**

- (a) Pada **hari bekerja, lampu akan beroperasi mulai jam 6.30 pagi hingga 6.30 petang** manakala **sistem penyaman udara akan beroperasi mulai jam 7.00 pagi hingga 5.30 petang**;
- (b) Permohonan **pelanjutan tempoh operasi melibatkan** penggunaan lampu dan sistem penyaman udara **di ibu pejabat** untuk menjalankan urusan rasmi seperti mesyuarat, kerja lebih masa dan sebagainya hendaklah diperolehi **daripada Unit Teknikal, Sektor Logistik dan Fasiliti, BKP melalui e-mel selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari pada hari pelanjutan masa diperlukan**;

- (c) Sekiranya perlu melaksanakan urusan rasmi **pada hari Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am**, permohonan penggunaan lampu dan sistem penyaman udara hendaklah dikemukakan kepada **Unit Teknikal, Sektor Logistik dan Fasiliti, BKP** melalui e-mel sekurang-kurangnya **satu (1) hari sebelum** diperlukan. Tempoh penggunaan dihadkan **lima (5) jam sahaja** daripada pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang dan hanya bagi tugas yang melibatkan **lebih daripada 10 orang pegawai** di aras berkenaan. Sekiranya tugas rasmi perlu dilaksanakan melebihi tempoh tersebut, **surat kebenaran/ kelulusan daripada Pengarah/ Timbalan Pengarah Bahagian** hendaklah dikemukakan bersama;
- (d) Penggunaan air hendaklah secara berhemat. Sekiranya berlaku kebocoran paip, Bahagian perlu **melaporkan segera** kebocoran tersebut kepada Unit Teknikal, Sektor Logistik dan Fasiliti, BKP;
- (e) Setiap pegawai perlu memastikan **pili paip ditutup dengan kemas** selepas digunakan bagi mengelakkan pembaziran;
- (f) Bahagian hendaklah memastikan **lampu bilik guna sama, bilik pegawai dan tandas dipadamkan sekiranya tidak digunakan**; dan
- (g) Penggunaan telefon pejabat hanya dibenarkan untuk urusan rasmi sahaja. Penggunaan telefon bagi **urusan peribadi adalah tidak dibenarkan**.

#### **(10) Penggunaan Aset dan Peralatan/ Bekalan Pejabat**

- (a) Stok peralatan pejabat hendaklah dipesan dalam kuantiti yang munasabah. **UPKS Bahagian** hendaklah memastikan **Kadar Pusingan Stok** adalah pada kadar 4 selewat-lewatnya pada bulan **Julai** tahun semasa manakala **Pejabat Pendaftar INTAN** hendaklah memastikan **Kadar Pusingan Stok Tahunan** adalah pada kadar 4 sepertimana ketetapan perenggan 10, PP/AM 6.1 (Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan);

- (b) Pegawai hendaklah menggunakan alat tulis yang dibekalkan secara berhemat;
- (c) Suis bagi kelengkapan pejabat yang menggunakan bekalan elektrik seperti komputer dan mesin fotostat **hendaklah ditutup** apabila tidak digunakan selepas tamat waktu bekerja;
- (d) Bahagian perlu memastikan **aktiviti memuat turun video daripada laman web dipantau secara serius** khususnya melibatkan komputer yang dibiarkan terpasang sepanjang malam; dan
- (e) Proses pelupusan aset alih dan stok yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus di ibu pejabat akan dibuat sebanyak dua (2) kali setahun. Bagi memastikan proses pelupusan aset alih dapat dilaksanakan secara teratur, permohonan bagi pelupusan aset alih hendaklah dikemukakan kepada Unit Pengurusan Aset, Sektor Perolehan dan Aset, BKP mengikut jadual yang ditetapkan seperti berikut:

KEKERAPAN	TARIKH AKHIR PERMOHONAN
Pertama	26 Februari 2021 (Jumaat)
Kedua	30 Julai 2021 (Jumaat)

#### (11) Penggunaan Kenderaan Jabatan

- (a) Bagi program yang dilaksanakan di luar Jabatan **melibatkan lebih daripada seorang pegawai di lokasi yang sama**, pegawai **diwajibkan untuk berkongsi kenderaan Jabatan yang disediakan**. Sekiranya kenderaan Jabatan tidak disediakan, pegawai boleh menggunakan kenderaan sendiri dan digalakkan untuk **berkongsi kenderaan (car pool)** ke lokasi program bagi mengoptimumkan perbelanjaan;

- (b) Bahagian-Bahagian hendaklah memastikan tempahan bas dikemukakan kepada **Sektor Logistik dan Fasiliti, BKP bagi program/ aktiviti anjuran JPA atau kepada Unit Khidmat Sokongan (UKS) bagi program/ aktiviti anjuran INTAN selewat-lewatnya lima (5) hari bekerja** sebelum penganjuran program/ aktiviti tersebut;
- (c) Sekiranya Bahagian-Bahagian ingin membuat **pembatalan tempahan bas, pembatalan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Sektor Logistik dan Fasiliti, BKP bagi JPA atau kepada Unit Khidmat Sokongan (UKS) bagi INTAN selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja sebelum** penganjuran program/ aktiviti. Ini bagi membolehkan bas tersebut ditawarkan penggunaannya kepada Bahagian lain yang menanti tempahan; dan
- (d) Urus setia hendaklah merancang keperluan penggunaan bas daripada **segi kesesuaiannya dengan bilangan penumpang**. Pengesahan peserta menaiki bas hendaklah dibuat oleh pihak urus setia bagi memastikan penggunaan bas tidak menyebabkan pembaziran wang Kerajaan.

#### **(12) Kawalan Tuntutan Elaun Lebih Masa (ELM)**

- (a) Arahan untuk melaksanakan kerja lebih masa hendaklah dikeluarkan oleh **Ketua Sektor/ Unit/ Pusat sahaja bagi JPA atau Ketua Kluster (KK)/ Pendaftar/ Pengarah Wilayah (PW)/ Ketua Unit (KU) sahaja bagi INTAN;**
- (b) Had tuntutan ELM bagi Hari Bekerja (Isnin hingga Jumaat) adalah **tidak melebihi tiga (3) jam** manakala had tuntutan ELM bagi hari Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am adalah bagi tempoh **lima (5) jam sahaja;**



- (c) Pengecualian daripada subPerenggan (C)(12)(b) hendaklah diluluskan secara bulanan oleh pegawai yang diberi kuasa seperti berikut:
- (i) TKPPA(O); atau
  - (ii) Pengarah Bahagian/ Pendaftar/ Pengarah Kampus Wilayah/ Ketua Penolong Pengarah bagi Bahagian Pasca Perkhidmatan Cawangan Sabah dan Sarawak.
- (d) Semua Bahagian hendaklah mengemukakan laporan kelulusan tuntutan ELM melebihi had untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JPKA setiap suku tahun;
- (e) **Walau bagaimanapun, jumlah maksimum tuntutan ELM yang dibenarkan adalah 1/3 daripada gaji pokok pegawai.** Kerja lebih masa yang dilaksanakan melebihi had maksimum tersebut hendaklah diganti dengan Cuti Gantian;
- (f) Senarai kakitangan di Ibu Pejabat/ PTJ yang tidak tertakluk kepada arahan seperti yang dinyatakan di perenggan 12(b) dan 12(e) adalah seperti berikut:
- (i) pemandu kenderaan;
  - (ii) kakitangan yang menjalankan tugas secara giliran (*shift*) di JPA;
  - (iii) kakitangan Unit Teknikal dan Unit Logistik, Sektor Logistik dan Fasiliti, BKP;
  - (iv) kakitangan Sektor Gaji dan Bayaran, BKP;
  - (v) kakitangan Sektor Akaun, BKP;
  - (vi) jurugambar;
  - (vii) kakitangan Unit Sajian, Unit Penginapan, Unit Khidmat Sokongan, Unit Pembangunan dan Unit Kewangan INTAN;
  - (viii) kakitangan yang terlibat sebagai urus setia kursus jangka panjang (melebihi tiga (3) hari)/ program utama dan majlis; dan
  - (ix) kakitangan yang terlibat di pusat data/ teknikal ICT.

- (g) Tuntutan ELM perlu **dikemukakan tidak lewat dari 15 hari bulan dalam bulan** yang berikutnya bagi membolehkan bayaran diproses dengan segera dan seterusnya mengelakkan bayaran tertunggak;
- (h) Bagi tujuan rekod dan semakan tuntutan ELM, pegawai yang bekerja di sekitar Ibu Pejabat **diwajibkan** mengimbas pas keselamatan pada waktu mula dan tamat bekerja;
- (i) Sebarang pindaan terhadap jumlah tuntutan ELM yang telah disemak oleh Sektor Gaji dan Bayaran, BKP/ Bahagian Pasca Perkhidmatan Cawangan Sabah dan Sarawak atau Unit Kewangan, INTAN akan terus dibuat tanpa dimaklumkan kepada pegawai; dan
- (j) Bahagian/ INTAN hendaklah memastikan peruntukan di bawah Objek Sebagai 14000 (OS14000) tahun 2021 mencukupi untuk menampung keperluan ELM sepanjang tahun. Peruntukan tambahan tidak akan disalurkan ke OS14000 walaupun Bahagian/ INTAN mengenal pasti penjimatan dalaman di peringkat Bahagian masing-masing.

### **(13) Kawalan Tuntutan Perjalanan Yang Lewat Dikemukakan Untuk Bayaran**

- (a) Berdasarkan kepada surat MoF rujukan KK/BP/WA1/10/459/81/22 Jld. 25 bertarikh 20 Disember 2011, JPA telah diberi pengecualian daripada Arahan Perbendaharaan AP100(a) dan 100(b) untuk membuat **tuntutan perjalanan dua (2) kali sebulan**;
- (b) Pegawai yang ingin membuat tuntutan perjalanan sekali sebulan hendaklah mengemukakan tuntutan selewat-lewatnya pada 10 hari bulan dalam bulan berikutnya. Bagi pegawai yang ingin membuat tuntutan perjalanan dua (2) kali sebulan, pegawai hendaklah mematuhi tarikh-tarikh berikut:

PERKARA	TEMPOH	TARIKH PENGHANTARAN KE BKP
Tuntutan Pertama	1 – 15 hari bulan	Dikemukakan selewat-lewatnya pada atau <b>sebelum 25 hari bulan bulan berkenaan</b>
Tuntutan Kedua	16 - 30/31 hari bulan	Dikemukakan selewat-lewatnya pada atau <b>sebelum 10 hari bulan dalam bulan berikutnya</b>

- (c) Sebarang tuntutan perjalanan untuk bulan semasa yang diterima oleh Unit Kewangan PTJ yang melewati tarikh seperti jadual di perenggan 13(b) **tidak akan diproses dan sebarang rayuan yang berkaitan tidak akan dilayan**. Sebagai contoh, tuntutan perjalanan bulan Januari dikemukakan pada bulan Mac tidak akan diproses;
- (d) Setiap tuntutan perjalanan hendaklah dikemukakan bersama-sama **dokumen sokongan/ surat arahan bertugas**; dan
- (e) Bagi tuntutan perjalanan di INTAN, pemohon hendaklah memuat naik kelulusan bertugas rasmi sebagai dokumen sokongan kepada tuntutan perjalanan yang perlu dikemukakan melalui sistem HRMIS.

#### **(14) Tuntutan Perjalanan Dengan Menggunakan Kenderaan Peribadi**

- (a) Pegawai yang bertugas ke luar pejabat bagi jarak perjalanan melebihi 240 km sehala serta menggunakan kenderaan sendiri hendaklah **mencatatkan nama pegawai lain yang menumpang** kenderaan beliau (sekiranya ada) dalam borang tuntutan. Ini bagi memastikan tuntutan yang sama tidak dikemukakan oleh pegawai yang menumpang kenderaan berkenaan;
- (b) Bagi pegawai yang membuat perjalanan dengan menggunakan kenderaan peribadi, tuntutan perjalanan hendaklah dihitung dengan kaedah pengiraan perbatuan ataupun tuntutan tambang gantian (sekiranya perjalanan melebihi 240 km) dan memerlukan kelulusan daripada Pengarah/ Timbalan Pengarah Bahagian masing-masing melalui sistem HRMIS;

- (c) Bagi tuntutan perjalanan tugas rasmi pada hari bekerja, pengiraan jarak perbatuan adalah berdasarkan jarak terdekat;
- (d) Pengiraan jarak perbatuan adalah berdasarkan carian melalui **Google Maps** dan penambahan hanya dibenarkan +/- 1 hingga 5 km sahaja;
- (e) Arahan ini hendaklah terpakai kecuali pegawai berkenaan diarahkan/ dikehendaki menggunakan kenderaan lain; dan
- (f) Walau apapun yang ditetapkan di perenggan (a) hingga (e) di atas, tuntutan perjalanan hanya akan dipertimbangkan dengan syarat permohonan penggunaan kenderaan Jabatan/ kontrak sewaan tidak dipertimbangkan oleh Sektor Logistik dan Fasiliti, BKP.

**(15) Tuntutan Tambang Teksi/ e-Hailing Dengan Resit/ Tanpa Resit**

- (a) Tuntutan tambang teksi/ *e-hailing* hendaklah dikemukakan berserta dengan **resit bercetak yang asal** dan **dikeluarkan oleh syarikat teksi/ e-hailing serta telah disahkan** atas urusan rasmi Kerajaan; dan
- (b) Bagi tuntutan tambang teksi/ *e-hailing* pegawai dengan resit atau tanpa resit atas urusan rasmi Kerajaan, tuntutan hanya akan dibayar berdasarkan jarak terdekat dari pejabat/ penginapan pegawai ke lokasi bertugas rasmi dan sebaliknya. Sekiranya kriteria ini tidak dipenuhi, **BKP/ Bahagian Pasca Perkhidmatan Cawangan Sabah dan Sarawak/ Unit Kewangan PTJ berhak meminda** amaun tuntutan yang dikemukakan kepada amaun yang lebih munasabah berdasarkan kelayakan sebenar pegawai tanpa merujuk kepada pegawai.

## **(16) Tuntutan Elaun Makan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi/ Kursus Di Luar Negeri**

Sekiranya penganjur menyediakan kemudahan makan/ minum, pegawai tidak layak menuntut elaun makan. Namun, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan tuntutan elaun makan sekiranya makan/ minum yang disediakan tidak bersesuaian dengan keperluan agama serta bagi pegawai yang mengamalkan pemakanan *vegetarian*.

## **(17) Tuntutan Bayaran Lojing**

- (a) Tempat menginap semasa bertugas rasmi hendaklah tidak melebihi 25 km dari tempat bertugas. Sekiranya tempat menginap tersebut melebihi 25 km dari tempat bertugas, tuntutan bayaran lojing tidak akan dipertimbangkan;
- (b) Sekiranya pegawai perlu bertugas di beberapa tempat dalam stesen yang sama dalam suatu tempoh, pegawai hendaklah memilih untuk menginap di tempat/ bandar yang mempunyai kekerapan bertugas paling tinggi; dan
- (c) PTB/ PTK/ PTU bertanggungjawab **menyemak dengan teliti** setiap tuntutan yang dikemukakan oleh pegawai Bahagian masing-masing bagi memastikan maklumat dan dokumen yang dikemukakan **sahih, lengkap dan tepat**.

## **(18) Tuntutan Belanja Pelbagai**

- (a) **Belanja dobi** layak dituntut sekiranya pegawai bertugas rasmi sekurang-kurangnya tiga (3) malam berturut-turut. Tuntutan **mestilah** disertakan dengan resit asal mengandungi perincian jenis serta bilangan pakaian yang menggunakan perkhidmatan dobi yang telah disahkan. Perkhidmatan dobi hanya digunakan semasa menjalankan tugas rasmi. Tuntutan selepas berakhir tugas rasmi **tidak akan diterima** dan tuntutan **tanpa resit akan ditolak**;

- (b) Jabatan hanya membayar kos penginapan dan kos pengangkutan pada tarikh sebenar tugas rasmi dilakukan; dan
- (c) **Bagi bayaran tol tanpa resit [kad *Touch 'n Go* (TNG)/ *Radio Frequency Identification* (RFID)],** salinan penyata yang dicetak melalui sistem TNG yang **tertera nama pegawai** hendaklah dikemukakan semasa **membuat tuntutan** serta dipastikan telah disahkan atas urusan rasmi Kerajaan sebelum diserahkan kepada Unit Kewangan PTJ. Ini bertujuan bagi pengemukaan kepada pihak ketiga sekiranya terdapat isu berbangkit berkaitan tuntutan pegawai.

**(19) Tuntutan Bayaran Balik Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih Dan/ Atau Caj Penggunaan Bulanan Bagi Kegunaan Rasmi**

- (a) Ketua Jabatan/ Bahagian dan pegawai-pegawai yang diluluskan kemudahan caj penggunaan bulanan hendaklah menguruskan sendiri langganan jalur lebar/ pelan data dengan syarikat telekomunikasi tertakluk kepada ketetapan PP/ WP2.2;
- (b) Ketua Jabatan/ Bahagian dan pegawai-pegawai yang berkenaan hendaklah membayar dahulu bil telefon dan bil *broadband* masing-masing dan membuat tuntutan bayaran balik yang disokong dengan bil terperinci;
- (c) Semua pegawai yang berkenaan dikehendaki menyelesaikan bil telefon masing-masing dan tidak membiarkan akaun dalam status tertunggak. Hanya **bil telefon semasa (caj semasa)** akan diluluskan pembayaran. Pegawai juga diminta untuk membuat pembayaran amaun yang tepat seperti tercatat di dalam bil;
- (d) Dengan mengambil kira implikasi kewangan serta keperluan dalam menjalankan tugas, Jabatan telah menetapkan beberapa langkah kawalan dalaman bagi permohonan Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih untuk kegunaan rasmi (pembelian dan caj penggunaan

bulanan). Bantuan Kemudahan Alat Komunikasi Mudah Alih kepada warga JPA akan dipertimbangkan mengikut kelayakan seperti berikut:

- (i) Layak dipertimbangkan Bantuan Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih dan Caj Bulanan **tanpa syarat**:
  - (1) Pegawai dalam **Kumpulan Pengurusan Tertinggi** iaitu Gred Utama Khas/ Khas 'C' dan ke atas atau setaraf;
  - (2) Pegawai dalam **Kumpulan Pengurusan dan Profesional iaitu Gred Jawatan 53/ 54** dan setaraf; dan
  - (3) **Pemandu Kereta Rasmi Jawatan** kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
  
- (ii) Layak dipertimbangkan Bantuan Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih dan Caj Bulanan **dengan syarat/ syarat tambahan**:
  - (1) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional **Gred Jawatan 48/ 52** dan setaraf yang memegang jawatan **Ketua Bahagian/ Seksyen/ Unit di peringkat Ibu Pejabat (Jabatan)** tertakluk kepada syarat-syarat tambahan seperti berikut:
    - (a) pegawai **selalu bertugas di luar pejabat**;
    - (b) **skop tugas yang memerlukan pegawai** membuat **panggilan rasmi serta-merta**;
    - (c) kerap berurusan dengan pelanggan luar (*stakeholder*, PBT, Kerajaan Negeri) **selepas waktu pejabat**; dan
    - (d) kemudahan komunikasi di ibu pejabat **tidak praktikal** untuk membuat panggilan dengan segera.

- (2) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional **Gred Jawatan 48/ 52** dan setaraf yang memegang jawatan **Ketua Bahagian/ Seksyen/ Unit di peringkat zon/ negeri** tertakluk kepada syarat bahawa pegawai perlu membuat **panggilan rasmi serta-merta**;
- (3) Layak tuntutan **caj penggunaan bulanan sahaja**:
- (a) **Pemandu Kereta Jabatan** dan **Polis Bantuan** layak membuat tuntutan caj penggunaan bulanan pasca bayar atau tambah nilai pra bayar sehingga maksimum **RM30 setiap bulan**;
- (b) Bagi pegawai selain daripada perenggan (3)(a) di atas, pegawai boleh diluluskan tuntutan caj bulanan pasca bayar atau tambah nilai pra bayar sehingga maksimum **RM100 setiap bulan**; dan
- (c) Bagi pegawai selain daripada yang diluluskan mengikut PP/ WP2.2, pegawai boleh **membuat tuntutan bayaran balik caj panggilan rasmi** mengikut pekeliling bertugas rasmi yang berkaitan.
- (e) Borang Tuntutan Bantuan Pembelian Alat Komunikasi Mudah Alih hendaklah **dikemukakan kepada Sektor Pengurusan Personel, BKP/ Unit Pembangunan Sumber Manusia (UPSM), INTAN** terlebih dahulu bagi tujuan pengesahan kelayakan pegawai dan pengeluaran Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8). Pegawai juga hendaklah mengemukakan bersama dokumen sokongan yang ditetapkan seperti resit pembelian asal dan salinan tempoh jaminan kerosakan (*warranty card*) atas nama pegawai yang menuntut; dan
- (f) Borang Tuntutan Bayaran Bil Telefon Bimbit Rasmi hendaklah **dikemukakan terus kepada Sektor Gaji dan Bayaran, BKP/ Unit**



**Kewangan PTJ** bagi proses pembayaran. Pegawai juga hendaklah mengemukakan bersama dokumen sokongan yang ditetapkan seperti bil bulanan dan resit pembayaran bil yang telah disahkan.

**(20) Pembayaran Di Bawah AP58(a)**

